

Sekolah angkat USIM terima penghargaan

Oleh Khairul Azizi Elias
bhvarsiti@bharian.com.my

NILAI: Biarpun wujud sebagai dua entiti pendidikan berbeza, hubungan terjalin antara Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dengan sekolah membuktikan komitmen kedua-dua belah pihak dalam memartabatkan bidang pendidikan negara.

Menerusi penganjuran pelbagai aktiviti, masing-masing berperanan memastikan ekosistem pendidikan Islam yang lebih menyeluruh diterapkan kepada semua pihak khususnya pelajar sekolah dan mahasiswa.

Terbaru, USIM mengiktiraf komitmen empat sekolah kluster dan 12 sekolah angkatnya terhadap program anjuran universiti dengan menyerahkan watak penghargaan kepada sekolah terbabit.

Naib Canselor USIM, Prof Datuk Dr Muhamad Muda, berkata perbezaan landskap itu tidak mengekang matlamat universiti dan sekolah memfokuskan usaha memartabatkan negara sebagai pusat kecemerlangan pendidikan global.

Katanya, hubungan sekolah

dengan universiti kini dilihat semakin penting bagi mewujudkan kesinambungan berterusan khususnya aspek berkaitan pembangunan pelajar dan mahasiswa.

"Kita perlu memastikan ekosistem pendidikan Islam dapat dibentuk secara lebih menyeluruh bermula dari sekolah sehingga ke peringkat universiti. Oleh hal yang demikian, pemuafakatan sebegini dituntut selain komitmen utuh pihak terbabit," katanya dalam majlis penyerahan watak itu, di sini, baru-baru ini.

Majlis itu diadakan bersempena dengan mesyuarat penyelarasan aktiviti sekolah kluster dan sekolah angkat 2012, di kampus Nilai, baru-baru ini.

Empat sekolah kluster terbabit ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sheikh Haji Mohd Said, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sharifah Rodziah, Sekolah Menengah Agama Persekutuan (SMAP) Kajang dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sultan Azlan Shah.

Sekolah angkat pula ialah Maktab Rendah Sains MARA Gemencheh; Maahad Ahmadi Gemencheh, Sekolah Menengah Agama Sains Kuala Pilah,

Sekolah Menengah Agama Nilai, Institut Tahfiz Al-Quran Negeri Sembilan dan Sekolah Agama Menengah Sungai Merab Luar.

Seterusnya, Sekolah Agama Menengah Bestari, Sekolah Agama Menengah Tinggi Tengku Ampuan Jamaah, Sekolah Agama Menengah Bandar Baru Salak Tinggi, Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Salak Tinggi, Maahad Tahfiz Pahang dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Durian Guling.

Sementara itu, Pengetua SMAP Kajang, Aminah Idris, berkata banyak manfaat diperoleh menerusi pemuafakatan antara universiti dengan sekolah termasuk peluang meneroka proses pengajaran dan pembelajaran universiti.

Katanya, pendedahan itu secara tidak langsung membolehkan pelajar sekolah melakukan persediaan awal sebelum melangkah masuk ke universiti apabila tamat persekolahan kelak.

Dalam majlis itu, delegasi sekolah turut dibawa melihat kemudahan sedia ada di kampus USIM termasuk perpustakaan, kolej kediaman, bilik kuliah dan kompleks sukan.



SEBAGIAN daripada pengetua Sekolah Kluster dan sekolah angkat USIM yang menerima watak penghargaan USIM, baru-baru ini.